

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 06.01.2023 MASA: 12.52 TGH

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN
AHLI MAJLIS
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
TAHUN 2023**

OLEH

**YANG BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**06 JANUARI 2023 (JUMAAT)
3.00 PETANG**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
BANDAR PERDA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita berkumpul pada petang yang bersejarah ini bersempena Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2023.

Di kesempatan ini, saya mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri (I) Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri (II) Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; Barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang; YB Puan Zabidah Binti Safar, Pegawai Kewangan Negeri, Ahli-Ahli Parlimen dan ADUN Pulau Pinang; Yang Berbahagia Datuk Bandar Majlis

Bandaraya Pulau Pinang; Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan; Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan; rakan-rakan media yang saya kasihi; dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi ini.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN,
YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian,**

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik bagi tahun 2023 di mana seramai **23 Ahli Majlis telah dilantik semula dan seorang (1) Ahli Majlis baru**, iaitu Puan Normahani binti Muhamad. Sekalung tahniah di atas pelantikan puan dan semoga dapat menggalas dan melaksanakan amanah serta tanggungjawab yang diberikan dengan penuh dedikasi bersama keluarga MBSP.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Muhamad Suzuki Bin Ahmad, Ahli Majlis yang telah tamat berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP berkuatkuasa 31 Disember 2022, di atas usaha, kerjasama dan jasa yang telah diberikan untuk Seberang Perai.

Kami semua mendoakan agar tuan akan terus cemerlang dalam apa jua bidang yang diceburi.

Marilah kita bersatu dan berusaha untuk menggalas kepercayaan, tanggungjawab dan amanah ini dengan sebaiknya dan seterusnya mengekalkan budaya kerja berpasukan, budaya kerja proaktif, inovatif, inklusif akan pandangan rakyat bagi memberi perkhidmatan yang cemerlang seterusnya menjadikan Seberang Perai Bandar Aspirasi Masa Hadapan.

Dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah serta memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, kita perlu mengamalkan konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) dalam pelaksanaan semua dasar dan program yang direncanakan. Selain itu, kita juga perlu mengamalkan konsep SMART dalam melaksanakan tugasan harian kita, *S- Specific, M- Measurable, A- Achievable, R- Reliable, T- Time Bound* bagi memangkin Seberang Perai ke arah *liveable and aspiring city*.

Kita tidak dapat lari dan tidak boleh mengelak untuk bekerja dalam satu pasukan. Pasukan yang mantap adalah sangat penting bagi sesebuah

organisasi seperti MBSP, kerana iaanya dapat menyumbang kepada produktiviti serta perkhidmatan yang sangat berkualiti. Amalan bermusyawarah atau perbincangan bagi memperoleh kata sepakat dari pelbagai aspek untuk mencapai sesuatu kejayaan, perlulah kita amalkan.

Kepada semua Ahli Majlis yang dilantik pada tahun ini, saya ucapakan Selamat Berkhidmat dan Tahniah di atas pelantikan anda semua!!

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN,
YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian,**

MBSP adalah salah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang cemerlang dengan pelbagai program-program untuk rakyat yang telah berjaya dilaksanakan, mendapat persijilan dalam kualiti oleh SIRIM dan MPC dan pencapaian-pencapaian yang hebat di dalam dan luar negara sepanjang tahun 2022.

Setakat ini MBSP telah mempunyai lapan (8) Pensijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti, iaitu tujuh (7) daripadanya adalah ISO

yang dipersijilkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan satu (1) lagi, iaitu 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). **Sistem Pengurusan MBSP berteraskan kualiti** adalah:-

- i. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS)
- ii. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2015 (EMS)
- iii. Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001:2018 (OSHMS)
- iv. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2018 (EnMS)
- v. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO / IEC27001:2013 (ISMS)
- vi. Sistem Pengurusan Anti-Suapan (Bribery) ISO 37001:2016 (ABMS)
- vii. Sistem Pengurusan Aset ISO 55001:2014 (AMS).
- viii. Sistem Pengurusan Persekutaran Berkualiti 5S

Pelaksanaan dan pensijilan baru iaitu, *Compliance Management System* ISO 37301:2021 (CMS) ini kiranya berjaya diperolehi oleh MBSP, akan menjadikan MBSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang mempunyai sembilan (9) Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti. Namun, apa yang ingin ditegaskan di sini adalah, kita bukan mengejar pensijilan

untuk mendapat pengiktirafan semata-mata. Tetapi untuk menjadikan MBSP sebagai juara di hati rakyat dengan proses pemberian perkhidmatan yang lebih mudah dan mesra disamping meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas-tugas kita.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN,
YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian,**

Dalam merealisasikan Seberang Perai Aspirasi Bandaraya Masa Hadapan iaitu *Smart Sustainable City*, selaras dengan wawasan Penang2030: “**A Family Focused Green and Smart State That Inspires the Nation**” (Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara) dan *Sustainable Development Goals (SDGs)*, MBSP telah melaksanakan pembaharuan institusi dalam penyampaian perkhidmatan bagi memperbanyakkan penggunaan teknologi digital dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat. Sebanyak 25 inisiatif MBSP *Smart City* telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk mencapai visi Bandaraya Pintar.

Selaras dengan agenda transformasi digital Negeri Pulau Pinang, penggunaan teknologi digital terus dipertingkatkan selaras dengan perkembangan terkini serta keperluan yang mendesak dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif digital khususnya bagi urusniaga tanpa tunai bagi memudahkan *stakeholder* atau pelanggan untuk berurusan dengan MBSP walau di mana dan pada bila-bila masa. MBSP sehingga ini telah menyediakan 100 perkhidmatan yang dapat dilaksanakan di atas talian.

Agenda Transformasi Digital MBSP diperluaskan dengan penggunaan Aplikasi “**Aspire Seberang Perai**” telah dilancarkan pada 24 Mei 2022. Aplikasi ini merupakan satu kaedah yang sesuai untuk kekal berhubung dengan rakyat serta memperolehi hasil dengan cara konsisten. Aplikasi “**Aspire Seberang Perai**” merupakan aplikasi pintar yang dibangunkan mengikut spesifikasi serta kehendak MBSP dan pelanggan. Aplikasi ini dibangunkan dengan ciri-ciri yang informatif, interaktif dan iaanya diintegrasikan secara langsung dengan sistem dalaman MBSP. Antara komponen-komponen yang terdapat dalam “**Aspire Seberang Perai**” adalah:-

- a. Gerbang pembayaran (*payment gateway*) atas talian;
- b. Paparan *Personal Dashboard* Pengguna / Sejarah Transaksi;

- c. Sistem Ganjaran (*Reward*) kepada pengguna yang membuat transaksi pembayaran melalui “**Aspire Seberang Perai**” sama ada berbentuk cabutan bertuah, kupon baucer atau pengumpulan mata ganjaran.
- d. Diintegrasikan dengan sistem dalaman MBSP secara terkini;
- e. Paparan Informasi Eksplorasi Seberang Perai iaitu seperti lokasi tempat menarik, tempat makan, sejarah dan sebagainya,
- f. Sistem Robot untuk bertanyakan soalan-soalan berkaitan MBSP mengikut fasa,
- g. Paparan pelbagai pengumuman. Promosi serta ruangan iklan di dalam “**Aspire Seberang Perai**”.

Usaha dalam Transformasi Digital MBSP telah menampakkan kejayaan dari tahun ke tahun dan mula diterima oleh rakyat Seberang Perai. Penggunaan perkhidmatan tanpa tunai MBSP telah meningkat daripada 57.62% dengan 346,572 transaksi dan jumlah kutipan sebanyak RM82,192,032.08 pada tahun 2020 kepada 72.91% dengan 414,617 transaksi dan jumlah kutipan sebanyak RM155,452,374.43 pada tahun 2021. Untuk sembilan bulan awal tahun 2022 pula, perkhidmatan tanpa tunai MBSP berada pada tahap 81.19% dengan 468,752 transaksi dan jumlah kutipan sebanyak RM185,468,45.88.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN,
YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian,**

MBSP memberi penekanan terhadap peranannya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan ruang hijau dan selamat kepada penduduk dan masyarakat setempat dan mengekalkan udara yang bersih dan persekitaran yang sihat seperti yang termaktub dalam Penang2030 “*A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation*” di bawah Tema D “*Invest in the Built Environment to Improve Resilience*” dan selaras dengan SDG 11: “*Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable*”; dan SDG 13: “*Take urgent action to combat climate change and its impact*”, dan sejajar dengan kempen Kerajaan Negeri iaitu Penang 2030 *A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*.

Salah satu agenda yang dilaksanakan oleh MBSP dalam penghijauan Seberang Perai adalah penanaman pokok-pokok di seluruh Seberang Perai. Inisiatif menanam pokok adalah bertujuan mengurangkan kesan cuaca panas dan kering yang sering melanda negara. Dalam usaha mencapai sasaran 600,000 pokok ditanam menjelang tahun 2030, dan

untuk menjayakan program penanaman pokok di Seberang Perai, MBSP telah melaksanakan beberapa program penanaman pokok secara besar-besaran sejak tahun 2017.

MBSP juga mengamalkan konsep *MBSP Smart Consumption Model 8R* iaitu *Rethink; Refuse; Reduce; Re-use; Repair; Re-gift; Recover; dan Recycle* yang juga melibatkan kerjasama daripada semua komuniti dan pihak swasta untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Kadar kitar semula Seberang Perai mencapai 56.85% pada tahun 2021 dan 33.03% sehingga November 2022, yang merupakan antara yang tertinggi di Malaysia.

Selain itu, Seberang Perai berusaha untuk memastikan 15% tenaga elektrik yang digunakan, dijana dari sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE) menjelang tahun 2030. Selain memastikan kadar pencemaran alam sekitar dapat diminimakan melalui penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui seperti sistem solar, inisiatif ini dapat menjimatkan kewangan MBSP dari segi pengurangan bayaran bil elektrik. Sehingga kini, tiga (3) bangunan MBSP telah dipasang fotovoltaik (PV) solar, iaitu di Kompleks Sukan Bertam, Kompleks Sukan Jalan Betek dan Pejabat Cawangan MBSP

Jalan Betek. Dalam masa yang sama, MBSP sedang dalam pembinaan struktur parkir berbumbung di petak letak kereta kakitangan MBSP yang dipasang dengan fotovoltaik (PV) solar.

MBSP juga telah lama melaksanakan Program Sekolah Hijau di bawah LA21 yang telah menampakkan kejayaan di antaranya:

- i. Aktiviti sekolah hijau telah dijadikan sebahagian daripada program ko-kurikulum sekolah, di mana sekolah-sekolah menjalankan aktiviti-aktiviti membuat kompos, menanam sayur-sayuran, melibatkan diri dalam program khidmat masyarakat seperti kempen kitar semula, pembersihan pantai dan kempen tanam pokok.
- ii. Melaksanakan program *upcycle* di sekolah dan melatih murid-murid menjadi usahawan.
- iii. Sekolah-sekolah hijau telah mencapai kejayaan dalam kempen penjimatan elektrik dan air.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN,
YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian,**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana MBSP telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran sepanjang tahun 2022 dengan pelbagai pencapaian yang amat dibanggakan. Antara pencapaian MBSP sepanjang tahun 2022 hasil daripada usaha-usaha memberangsangkan daripada warga kerja MBSP, termasuk Ahli-Ahli Majlis adalah:-

- I. **Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2022** yang telah diadakan pada 08 Disember 2022. MBSP telah memenangi:-
 - i. Tempat Kedua untuk Inovasi SISKEN bagi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).
 - ii. Tempat Ketiga untuk Inovasi *Visible Parking* bagi Anugerah Inovation Blast Teknikal.
 - iii. Tempat pertama untuk Inovasi Lingkaran *Bougainvillea* bagi Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Kategori Bukan ICT dan juga Anugerah Khas dalam Anugerah Inovasi Ketua Menteri.

- iv. Anugerah Inovasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Kategori ICT:-
- a. Tempat pertama untuk Inovasi *Aspire Seberang Perai.*
 - b. Tempat kedua untuk Inovasi Sistem Pengurusan Lesen Interaktif dan Bersepadu (SPEEDBiz).
 - c. Tempat ketiga untuk Inovasi Sistem *E- Clocking BKK.*
- II. MBSP melalui inovasi Lingkaran Bougainvillea telah mendapat tempat kedua dalam pertandingan ***National Scroll of Honour Award for Human Settlements 2022*** pada 7 November 2022.
- III. MBSP bersama Bahagian Kerajaan Tempatan dan MBPP di dalam satu kumpulan telah memenangi ***Gold Medal Award*** melalui Program Penang Smart Parking yang telah diadakan di *International Convention On Quality Control Circles 2022* di Jakarta, Indonesia yang berlangsung pada 15 hingga 18 November 2022.
- IV. MBSP telah mendapat tempat kedua dalam SDG Awards sempena ***The 9th Citynet Congress 2022*** yang telah berlangsung pada 20 - 23 September 2022 di Kuala Lumpur.

- V. Johan bagi Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan ke - 65 peringkat Negeri Pulau Pinang tahun 2022 bagi kategori sektor awam pada 31 Ogos 2022.
- VI. Seberang Perai adalah antara tiga (3) bandar di Malaysia yang telah disenarai pendek daripada 280 penyertaan bandaraya-bandaraya seluruh dunia untuk mewakili Malaysia dalam *WWF's One Planet City Challenge 2022* yang berlangsung pada Mei 2022. Atas kejayaan usaha MBSP dalam mengurangkan pelepasan karbon, mitigasi yang komprehensif dan pengadaptasian kepada langkah - langkah untuk menangani krisis, Seberang Perai telah terpilih dan diisyiharkan sebagai pemenang *One Planet City Challenge* di peringkat kebangsaan (*National Winner*) pada 24 Mei 2022.

Segala pencapaian pada tahun 2022 adalah amat dibanggakan dan diharapkan momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun 2023. Semua pencapaian tahun 2022 dapat menjadi pemangkin untuk kita terus berusaha dengan lebih kuat lagi.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN,
YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian,**

Dalam menghadapi cabaran di masa hadapan dan *moving forward*, MBSP memberi penekanan kepada lima (5) fokus utama dalam menentukan hala tuju MBSP. Lima (5) fokus tersebut ialah Pemantapan Pembersihan, Pemerkasaan Penguatkuasaan, Peningkatan Hasil, Bandaraya Tarikan Pelancong, dan Bandaraya Sukan. MBSP telah meletakkan 10 program strategik yang menjadi sasaran utama untuk tempoh lapan (8) dari sekarang iaitu:-

1. Mewujudkan tambahan CCTV di kawasan *hotspot* bagi mewujudkan persekitaran yang selamat.
2. Pengindahan Taman Tecoma, Bandar Perda bagi mewujudkan taman rekreasi yang kondusif di Seberang Perai dan mewujudkan Taman Bunga di Taman Bandaraya Bertam, Seberang Perai Utara.
3. Menjadikan sukan sebagai Hub Pelancongan Seberang Perai.
4. Mewujudkan inisiatif untuk mencapai 300 tan sisa organik disalurkan kepada teknologi baru rawatan sisa pepejal.

5. Menjadikan Pulau Burung sebuah tapak pelupusan yang mempunyai teknologi *Waste to Energy*.
6. 100% perkhidmatan MBSP menggunakan kaedah penyampaian berteknologi pintar.
7. Peningkatan hasil melalui bayaran lesen apabila 80% kilang / industri dan perniagaan akan dilesenkan menjelang Disember 2023.
8. *Flood Mitigation Strategy* (FIMIS) yang menyediakan senarai lokasi hotspot banjir serta cadangan penyelesaian banjir di Seberang Perai.
9. Inisiatif Penyuraian Lalulintas (INPEL) yang menyediakan lokasi *hotspot* kesesakan lalulintas dan cadangan penyelesaian bagi mengurangkan kesesakan lalulintas di Seberang Perai.
10. Menyediakan dan merangka UUK Spa, UUK Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan dan UUK Kerja Tanah bagi memastikan pelaksanaan dan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Menjelang tahun 2030, adalah dijangka usaha MBSP melalui Perancangan Strategik dapat menjadi pemangkin kepada kelancaran lalulintas, keselamatan, bandar rendah karbon, resilient, kompetitif dan

persekitaran yang bersih. Di samping itu, MBSP juga akan memberi penekanan kepada revolusi industri 4.0 melalui penggunaan *Big Data Analytics* (BDA), *Internet of Things* (IoT), *Cloud Computing* dan *Artificial Intelligence* bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan kepada warga Seberang Perai serta melakukan transformasi digital yang dapat menjana ekonomi yang lebih makmur. MBSP akan sentiasa memastikan kecekapan proses kerja dan perkhidmatan menjadi tunjang utama untuk kejayaan MBSP dan kejayaan Seberang Perai.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, YB Ahli Parlimen, YB ADUN,
YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian,**

Untuk mengekalkan kecemerlangan dan meneruskan perjuangan bagi memenuhi kehendak *stakeholders* (pemegang taruh), kami Warga MBSP bersama 24 orang Ahli Majlis akan melipat gandakan usaha merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan Seberang Perai lebih bersih, mampan dan lestari.

Bagi meneruskan visi dan misi Majlis Bandaraya Seberang Perai sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih cemerlang, besarlah

harapan agar ianya mendapat sokongan yang menyeluruh daripada semua pihak demi kemakmuran Seberang Perai untuk mencapai “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” dan memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencapai visi *Penang 2030: “A Family Focused Green Smart State That Inspire The Nation”*.

Sekali lagi, terima kasih atas kepercayaan ini dan tahniah buat semua Ahli Majlis yang baru dilantik bagi tahun 2023. Marilah kita bekerja bersama-sama untuk kemakmuran Seberang Perai khususnya di Pulau Pinang amnya.

Angin bertiup debu bertaburan,
Duri menusuk luka ditangan,
Terima kasih atas kesabaran dan kekitaan,
Bersama MBSP hadapi rintangan.

Tenang-tenang air di kali,
Tempat mandian putra puteri,
Ucapan saya sampai di sini,
Salah dan silap harap dimaafi.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***